

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 5/2003**

---

Tarikh : 6 Ogos 2003  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

*Yang Hadir*

Putri Saniah Megat Abd. Rahman ( <i>Pengerusi</i> )	(kpustaka@pkritic.cc.ukm.my)
Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Che Salmah Mehamood (UMS)	(csmehamod@ums.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Hasmida Saleh ( <i>wakil</i> ) : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Jefrina Jamaluddin ( <i>wakil</i> ) : OUM	(sharipah@unitem.edu.my)
Kalsom Sharif : ULAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Maimunah Kadir : HUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Masnida Hanim Che Mahmood ( <i>wakil</i> ) : UiTM	(masnah619@salam.itm.edu.my)
Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Molly Chuah : UM	(a4molly@yahoo.com)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Roslin Muhiddin : NPC	(roslin@npc.org.my)
Samsida Samsudin ( <i>wakil</i> ) : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Shafikullah Hj. Shafiee : PNM	(bru@pnm.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Suhaidah Mat Rus ( <i>wakil</i> ) : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Syahrulhaida Yahya ( <i>wakil</i> ) : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Tusiman Mingun : UKM	(tus@pkritic.cc.ukm.my)
Hafsa Mohd : UKM ( <i>Setiausaha</i> )	(hafsa@pkritic.cc.ukm.my)

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Aini Ahmad : KUKTEM	(aini@kuktem.edu.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Mohd Nazari Abdul Hamid : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Noraziah Sharuddin : UTM	(azie@mel.psz.utm.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiyah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan:
  - 1.2.1 PDK Langganan Kementerian Pendidikan
  - 1.2.2 E-Books
  - 1.2.3 Hal-hal berbangkit

## **2.0 MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 4/2003**

Minit Mesyuarat Bil. 4/2003 disahkan tanpa pindaan.

## **3.0 TAKLIMAT PENGERUSI**

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat:

- 3.1 Laporan mengenai SPP (Sistem Perbekalan Penerbitan) telah dibentangkan oleh Puan Zainab (PNM) dalam mesyuarat PERPUN yang lalu.
- 3.2 AJK PERPUN memutuskan supaya SPP dibekalkan secara percuma memandangkan invois SPP terlalu sedikit dan tidak boleh dikumpul untuk bayaran bulanan. Tarikh penguatkuasaan dan garis panduan akan ditentukan oleh PNM.
- 3.3 AJK PERPUN juga mencadangkan supaya bahan dibekalkan melalui ‘soft copy’. Oleh itu bahan bercetak perlu diimbas dan seterusnya dihantar melalui e-mel atau FTP untuk menjimatkan masa dan kos.

## **4.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

- 4.1 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.99 juta bagi tujuan langganan PDK. Invois telah diproses dan dihantar kepada Bendahari Universiti Malaya.
- 4.2 Institusi yang melanggan adalah sama seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat JKK PDK 2/2003 hal 4.3.
  - a. Ebscohost BSP  
UM, UPM, UKM, UIAM, UUM, UiTM, MMU, USM, UTM, UNITEN
  - b. Proquest Education Complete  
UIAM, UiTM, UM, UPSI, UMS, UNIMAS, UPM, USM, UTM, OUM

- 4.3 Mesyuarat mencadangkan supaya statistik penggunaan Ebscohost BSP dan Proquest Education Complete dipecahkan mengikut institusi dan bulan (seperti ScienceDirect).

*Tindakan: Sekretariat JKK PDK*

- 4.4 Semua institusi yang terlibat perlu memastikan PDK tersebut dapat diakses mulai Januari 2003.

*Tindakan: Sekretariat JKK PDK*

## 5.0 E-BOOKS

### 5.1 NetLibrary

- a. Maklumbalas dari wakil NetLibrary :

- Pihak NetLibrary akan memberikan tempoh percubaan selepas mendapat persetujuan untuk melanggarnya
- Jumlah judul e-books (perlu dilanggan) paling minima adalah 200 judul bagi setiap institusi
- Setiap institusi boleh melanggan secara individu dan boleh mengakses judul e-books yang dilanggan oleh institusi lain

- b. Mesyuarat bersetuju:

- Setiap institusi yang melanggan memajukan senarai judul e-book yang dipilih kepada Sekretariat JKK PDK untuk mengelakkan pertindihan bagi buku-buku bukan teks
- Buku teks yang kerap dirujuk boleh dilanggan oleh beberapa institusi

- c. Institusi yang berminat setakat ini ialah: UUM, UIAM, UMS dan UKM.

## 6.0 SENARAI INDUK JURNAL

Mesyuarat bersetuju:

- a. Kertas cadangan mengenai perisian yang dibina oleh Perpustakaan UM akan diusulkan kepada pihak PERPUN
- b. Pengurus akan membuat permohonan bertulis kepada Ketua Pustakawan UM mengenai keperluan kertas cadangan tersebut
- c. Memohon wakil Ebscohost hadir pada mesyuarat akan datang untuk menunjukkan demo penggunaan EBSCO A-to-Z

*Tindakan: Sekretariat JKK PDK*

## 7.0 Hal-HAL LAIN

### 7.1 Konsortium Ovid (Bidang Perubatan)

7.1.1 Dalam Bajet 2004, PNM telah memohon peruntukan (melalui PERDANA) dari Kementerian Pendidikan untuk melanggan PDK dalam bidang perubatan. Wakil dari 7 perpustakaan perubatan di Malaysia bercadang untuk melanggan Proquest Health and Medical Databases menggunakan peruntukan tersebut.

7.1.2 Berikut adalah maklumat mengenai konsortium Proquest Health and Medical Databases (*with CD-ROM backup*) :

List price: USD22,414.00

Harga Konsortium

5 - 7 sites = USD16,000.00

8 - 10 sites = USD15,000.00

10 dan lebih = USD14,000.00

7.1.3 Institusi yang telah melanggan adalah 5 iaitu: HUKM, UM, UIAM, UPM & USM.

7.1.4 Institusi yg berminat untuk masuk konsortium adalah: IMU, UMS, UNIMAS, UiTM & KKM.

7.1.5 HUKM sekarang membayar USD18,000.00 untuk langganan. Konsortium ini dicadangkan bermula pada bulan Oktober 2003.

### 7.2 Perpustakaan Gunasama di bawah PNM

Ada 72 Perpustakaan Gunasama di bawah PNM. Semua perpustakaan tersebut boleh mengakses PDT yang dilanggan secara konsortium oleh PNM. Wakil PNM akan memaklumkan kos langganan CLJ.

*Tindakan : Wakil PNM*

### 7.3 Kos Konsortium

Mesyuarat bersetuju untuk mencadangkan kepada pembekal supaya tidak menaikkan kos langganan (pada awal tahun) PDT yang akan dilanggan dalam tempoh 2 atau 3 tahun secara konsortium. Pembayaran akan dibayar pada setiap awal tahun.

#### **7.4 Perkongsian Sumber Maklumat**

Kakitangan Kerajaan perlu membawa surat untuk masuk ke perpustakaan tanpa menjadi ahli bagi mengakses koleksi terbuka sahaja. Mesyuarat mencadangkan supaya kakitangan kerajaan dibenarkan juga mengakses koleksi tertutup seperti CD-ROM dan PDK.

#### **7.5 Sesi Penerangan Konsortium IOP dan Kluwer**

Wakil Access Dunia telah memberikan penerangan mengenai:

- a. Konsortium IOP (journal archive 1874-1992)
- b. Konsortium Kluwer

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengurus.